



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

GARIS PANDUAN INDUSTRI DALAM KAMPUS

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ABDULLAH

**PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI
JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT
JABATAN PENYELIDIKAN & INOVASI**

- Perakuan MPPI Ke -100 Bil. 2/2026 (27 April 2026)
- Kelulusan Senat Ke-246 Bil.7/2026 (14 Mei 2026)

GARIS PANDUAN INDUSTRI DALAM KAMPUS

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1. TUJUAN

Garis Panduan Industri dalam Kampus ini bertujuan untuk menyediakan kerangka rujukan dan panduan rasmi kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan penglibatan industri secara fizikal dan/atau operasi di dalam kampus UMPSA. Garis panduan ini menyokong agenda Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkukuh kolaborasi universiti–industri secara strategik, lestari dan berimpak tinggi.

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan visi UMPSA untuk menjadi universiti teknikal bertaraf dunia, UMPSA telah mengenalpasti pengkhususan universiti iaitu Kejuruteraan Proses Lanjutan dan Automotif. Bidang Pengkhususan ini bertujuan untuk memperkasakan UMPSA dalam kedudukan antarabangsa dan membentuk dan menentukan hala tuju penyelidikan universiti yang melibatkan industri supaya ia lebih berkesan dan mempunyai impak yang tinggi. Terdapat dua bidang khusus penyelidikan UMPSA, Kejuruteraan Kimia dan Mekanikal, dan Kejuruteraan Automotif dan Pembuatan, yang disokong lagi oleh tujuh bidang tujahan UMPSA. Bidang tumpuan ini berfungsi sebagai asas R&D universiti bersama industri bagi menyediakan output berkualiti tinggi yang memenuhi khusus yang ditetapkan.

Bagi memenuhi visi tersebut, Industri dalam Kampus merupakan satu pendekatan strategik di mana pihak industri ditempatkan atau menjalankan aktiviti terpilih di dalam UMPSA bagi tujuan pendidikan, penyelidikan, inovasi, latihan, pemindahan teknologi dan pembangunan bakat. Pelaksanaan IoC di UMPSA adalah selari dengan aspirasi Universiti berteraskan slogan Teknologi untuk Masyarakat serta menyokong ekosistem libatsama industri yang telah digariskan melalui Garis Panduan Libatsama Industri UMPSA (Versi 3.0) dan dasar-dasar KPT berkaitan. IoC juga berfungsi sebagai pemangkin kepada peningkatan kebolehpasaran graduan, pemindahan ilmu dua hala, penajaan pendapatan universiti serta pengkomersialan hasil penyelidikan.

3. SKOP PELAKSANAAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua bentuk penglibatan industri dalam kampus UMPSA, termasuk tetapi tidak terhad kepada :

- i. Penubuhan makmal industri, pusat satelit atau pusat kecemerlangan industri, di kampus.
- ii. Penempatan operasi terpilih industri (R&D, latihan, prototaip, pengujian).
- iii. Penglibatan industri dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Penyelidikan bersama dan pengkomersialan.
- v. Program pembangunan bakat dan latihan profesional.

4. DEFINISI

Industri dalam Kampus (Industry on Campus, IoC) merujuk kepada model kerjasama strategik antara UMPSA dan industri merangkumi syarikat swasta, agensi kerajaan, dan NGO yang melibatkan integrasi aktiviti dua hala antara pihak industri dan ekosistem di universiti bagi tujuan penyediaan bakat terbaik negara. Kerjasama ini boleh dikategorikan kepada dua bentuk utama iaitu Industri di Kampus, di mana pihak industri berada secara fizikal atau beroperasi di dalam kampus, dan/atau Universiti di Industri, di mana elemen universiti diwujudkan di premis industri.

Penglibatan langsung pihak industri yang beroperasi, berkongsi fasiliti atau menjalankan aktiviti berstruktur di dalam kampus UMPSA melalui perjanjian rasmi seperti Memorandum of Understanding (MoU), Memorandum of Agreement (MoA), Non-Disclosure Agreement (NDA), Letter of Intent (LoI) dan Letter of Corporation (LoC) yang tertakluk kepada tafsiran yang digunapakai dalam Garis Panduan Libatsama Industri UMPSA.

5. OBJEKTIF

Pelaksanaan IoC di UMPSA bertujuan untuk :

- i. Menyelaras kurikulum pengajian dengan keperluan sebenar industri melalui penglibatan langsung pihak industri dalam pembangunan dan penyampaian kurikulum.
- ii. Mempercepat pemindahan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik kepada pelajar melalui pendedahan praktikal dan aplikasi industri semasa.
- iii. Meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan membangunkan kemahiran *job-ready* melalui projek bersama industri dan program latihan industri berasaskan keperluan pasaran.

- iv. Mengukuhkan kolaborasi penyelidikan berorientasikan industri bagi menyelesaikan masalah industri dan meningkatkan impak penyelidikan kepada industri dan negara.
- v. Memperbanyakkan serta memperkasakan pelaksanaan program IoC di UMPSA sebagai platform interaksi berterusan antara akademik dan industri.
- vi. Melaksanakan pendekatan IoC secara Konsortium bagi mengoptimumkan perkongsian sumber, kepakaran dan mengurangkan amalan kerja secara 'silo' antara institusi dan industri.

6. KRITERIA PEMILIHAN INDUSTRI

Industri yang dipertimbangkan untuk IoC hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- i. Selaras dengan bidang tujuan dan fokus strategik UMPSA
- ii. Berdaftar dan sah di sisi undang-undang
- iii. Mempunyai rekod kewangan dan tadbir urus yang baik
- iv. Berpotensi memberi impak kepada pengajaran, penyelidikan dan kebolehpasaran graduan
- v. Menyokong dasar kerajaan dan agenda KPT

7. MODEL KERJASAMA INDUSTRI DALAM KAMPUS

Pelaksanaan IoC di peringkat universiti memerlukan pendekatan yang pelbagai dan bersesuaian dengan kekuatan, keperluan industri, serta sumber sedia ada. Oleh itu, beberapa jenis model pelaksanaan telah dikenal pasti sebagai kerangka operasi yang fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut konteks universiti dan rakan industri. Model-model yang telah digariskan adalah sebagai berikut:

- a) Industri di Kampus : Satu bentuk kerjasama strategik antara universiti awam (UA) dan industri, di mana pihak industri beroperasi secara fizikal atau aktif di dalam kampus universiti melalui pelbagai bentuk kolaborasi yang memberi manfaat dua hala kepada industri dan institusi.
- b) Universiti di Industri : Pendekatan strategik di mana UA melaksanakan aktiviti kolaborasi bersama industri seperti aktiviti akademik, penyelidikan, inovasi dan pembangunan bakat secara langsung di premis industri atau dalam ekosistem industri sebenar.

Antara contoh program IoC yang boleh dilaksanakan merangkumi, namun tidak terhad kepada

a) Makmal / Pusat Industri dalam Kampus

Model ini melibatkan penempatan fasiliti fizikal industri di dalam fakulti atau pusat penyelidikan UMPSA.

- Objektif: Memberikan pendedahan kepada pelajar dan staf mengenai teknologi terkini yang digunakan dalam operasi industri sebenar.
- Perincian: Pihak industri boleh menyumbangkan peralatan atau perisian (Sumbangan Peralatan) untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan di dalam kampus.
- Manfaat / Output: Mengoptimumkan penggunaan ruang universiti sementara industri mendapat akses kepada kepakaran akademik.

b) Makmal/Universiti di Industri

Model ini melibatkan penempatan fasiliti fizikal universiti di industri.

- Objektif: Merapatkan Jurang Teori dan Praktikal: Memastikan penyelidikan akademik relevan dengan keperluan sebenar pasaran dan cabaran teknikal industri.
- Perincian: Kedua-dua pihak boleh menjalankan projek penyelidikan mengikut tempoh kontrak (contoh: 1–3 tahun) dengan KPI yang dipersetujui bersama.
- Manfaat / Output: Mengoptimumkan penggunaan kepakaran bersama.

c) Pusat Penyelidikan dan Pembangunan atau Inovasi Bersama

Model kerjasama yang memfokuskan kepada aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dipacu oleh keperluan pasaran.

- Objektif: Menjalankan projek penyelidikan bersama bagi menyelesaikan masalah industri.
- Perincian: Melibatkan penggunaan Geran Padanan atau Pendanaan Penyelidikan terus daripada industri untuk mempercepatkan inovasi.
- Manfaat / Output: Pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan produk baharu yang memberi manfaat ekonomi kepada kedua-dua pihak.

d) Akademi Industri / Pusat Latihan Profesional

Pusat khusus yang memfokuskan kepada pembangunan bakat dan peningkatan kemahiran (*upskilling*).

- Objektif: Menyediakan program latihan atau kursus profesional yang disesuaikan dengan keperluan semasa industri.
- Perincian: Melibatkan pelantikan pakar industri sebagai Tenaga Pengajar atau Profesor Industri untuk berkongsi pengetahuan praktikal.
- Manfaat / Output: Graduan yang lebih kompeten dan mempunyai pensijilan profesional yang diiktiraf oleh industri.

e) Pusat Perundingan dan Pemindahan Teknologi

Platform bagi staf akademik menyumbang kepakaran secara langsung kepada pihak luar.

- Objektif: Melaksanakan pemindahan ilmu (KTP) dan teknologi daripada universiti kepada industri atau komuniti.
- Perincian: Universiti menawarkan perkhidmatan perundingan melalui kepakaran staf akademik untuk menambah baik proses atau sistem industri.
- Manfaat / Output: Menjana pendapatan tambahan bagi universiti melalui kontrak perundingan dan khidmat profesional.

f) Pusat Inkubator atau Start-up

Ekosistem yang menyokong pertumbuhan syarikat pemula (*start-up*) berasaskan teknologi universiti.

- Objektif: Memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar dan staf melalui bimbingan industri.
- Perincian: Syarikat *start-up* atau syarikat *spin-off* universiti beroperasi di dalam kampus dengan sokongan infrastruktur UMPSA.
- Manfaat / Output: Mempercepatkan proses menterjemah idea penyelidikan kepada produk komersial yang sedia ke pasaran.

g) Fasiliti Konsortium / Shared Facility

- Objektif : Mengoptimumkan penggunaan ruang, kos dan kepakaran sambil memperluas penyertaan industri dalam ekosistem universiti.

- Perincian : Model ini sesuai untuk industri kecil dan sederhana (IKS/SME), industri yang memerlukan fasiliti secara berkala, atau projek berimpak tinggi yang memerlukan pendekatan konsortium.
- Manfaat / Output : Model ini membolehkan beberapa rakan industri berkongsi satu fasiliti di kampus seperti makmal pengujian, pilot plant, pusat validasi, pusat latihan atau pusat pensijilan.

8. MEKANISMA KERJASAMA

Pelaksanaan program-program ini perlu disokong oleh struktur tadbir urus yang jelas, indikator prestasi yang boleh diukur, serta komitmen dua hala yang kukuh bagi memastikan impaknya selari dengan objektif IoC. Berdasarkan kepada model dan fasa kerjasama IoC, penubuhan dan pelaksanaan IoC hendaklah dimeterai melalui tetapi tidak terhad kepada dokumen rasmi seperti berikut:

- i. LoI / LoC – bagi pernyataan hasrat atau komitmen awal atau/dan;
- ii. NDA – bagi perlindungan maklumat sulit atau/dan;
- iii. MoU – bagi kerjasama strategik tanpa implikasi perundangan atau/dan;
- iv. MoA – bagi kerjasama operasi dengan implikasi perundangan dan kewangan

Semua dokumen tertakluk kepada proses kelulusan PTJ dan Universiti mengikut tadbir urus sedia ada.

9. TADBIR URUS

- Pusat Hubungan Industri (PHI) sebagai urusetia IoC, entiti rasmi yang menyelaras pelaksanaan inisiatif IoC di UMPSA bagi penyelarasan penubuhan dan pelaksanaan IoC serta urusan berkaitan hendaklah mendapat kelulusan di Mesyuarat Majlis Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu (MPPI) dan pemakluman di Mesyuarat Senat Universiti.
- Urusetia IoC UMPSA bertanggungjawab untuk:
 - a) Merancang dan menyelaras pelaksanaan inisiatif IoC di peringkat universiti.
 - b) Memastikan penubuhan, pelaksanaan dan pelaporan IoC sejajar dengan garis panduan serta arahan rasmi KPT.
 - c) Menjadi pusat pengumpulan data dan pelaporan yang seragam untuk pemantauan berpusat di peringkat kementerian.
 - d) Menyokong inisiatif kolaboratif antara universiti dan industri melalui pendekatan yang berfokus dan berskala impak tinggi.

- Urusetia loC UMPSA memastikan kelancaran proses permohonan dan penilaian cadangan penubuhan dan pelaksanaan loC dilakukan melalui kertas cadangan yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
 - a) Model kerjasama/operasi;
 - b) Implikasi ruang (cadangan keluasan ruang/ pelan ruang/ lokasi serta keperluan utiliti);
 - c) Senarai peralatan (jika berkaitan);
 - d) Implikasi kos (jika berkaitan);
 - e) Analisis risiko;
 - f) Cadangan hasil/sasaran petunjuk prestasi utama dan
 - g) Lain-lain yang berkaitan tertakluk kepada keperluan mengikut model kerjasama atau/dan permintaan jawatankuasa penilaian/berkaitan.

10. INFRASTRUKTUR

Pembangunan dan pengoperasian infrastruktur bagi pelaksanaan inisiatif ini akan memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum, berteraskan perkongsian strategik universiti–industri serta mematuhi dasar tadbir urus dan keselamatan siber UMPSA.

1. Penggunaan Ruang Sedia Ada

Ruang fizikal sedia ada di UMPSA seperti makmal, bengkel, bilik latihan dan ruang kerja kolaboratif akan dimanfaatkan secara optimum tanpa keperluan pembangunan infrastruktur baharu yang signifikan. Pendekatan ini menyokong kecekapan kos, kelestarian operasi dan penggunaan aset universiti secara maksimum.

2. Perkongsian Sumber dan Infrastruktur

Pelaksanaan inisiatif ini menggalakkan perkongsian sumber dua hala antara UMPSA dan rakan industri merangkumi peralatan, perisian, kepakaran teknikal serta kemudahan latihan. Perkongsian ini berupaya mengurangkan kos pelaksanaan, mempercepat pemindahan teknologi serta meningkatkan nilai tambah kepada semua pihak berkepentingan.

3. Akses kepada Makmal dan Fasiliti Teknikal

Akses terkawal kepada makmal dan fasiliti teknikal UMPSA akan disediakan mengikut keperluan program, tertakluk kepada polisi keselamatan, jadual penggunaan dan kelulusan pihak berkuasa universiti. Akses ini membolehkan pelaksanaan aktiviti latihan, penyelidikan gunaan, pembangunan produk dan pengujian teknologi secara berstruktur dan berimpak tinggi.

4. Kolaborasi Dua Hala bagi Memperkukuh Ekosistem Pembelajaran

Infrastruktur yang disediakan akan menyokong kolaborasi dua hala universiti–industri melalui penglibatan tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Program PhD Industri,
- Latihan Industri (LI),
- Pelajar pascasiswazah dan Postdoctoral, serta
- Pendekatan Work-Based Learning (WBL).

Kolaborasi ini berperanan memperkukuh ekosistem pembelajaran berasaskan industri, meningkatkan kebolehpasaran graduan, serta menyokong penyelidikan dan inovasi berteraskan keperluan sebenar industri.

5. Infrastruktur Sokongan dan Sistem Digital

UMPSA akan menyediakan infrastruktur rangkaian internet sebagai sokongan asas kepada pelaksanaan aktiviti. Penggunaan sistem pengurusan maklumat dan perisian sokongan adalah tertakluk kepada polisi keselamatan siber UMPSA. Aplikasi kawalan jauh seperti *AnyDesk* tidak dibenarkan dan sebarang akses sistem akan dikenakan sekatan serta pematuhan ketat mengikut dasar keselamatan siber universiti bagi menjamin perlindungan data dan integriti sistem.

6. Institute of Certification

Fokus Produk dan Pensijilan *Institute of Certification* akan dibangunkan dengan dua fokus utama iaitu:

- *Institute of Certification* berfokus kepada Produk: Menyokong pembangunan, pengujian dan pematangan produk berasaskan teknologi serta inovasi industri.
- *Institute of Certification* berfokus kepada Pensijilan: Bagi *Institute of Certification* yang memfokuskan pensijilan, fasiliti UMPSA perlu memenuhi keperluan dan piawaian badan pensijilan berkaitan serta layak diiktiraf sebagai pusat latihan rasmi. Pelaksanaan ini memerlukan proses due diligence yang menyeluruh meliputi analisis kos, pulangan pelaburan (RoI) dan kebolehlaksanaan jangka panjang sekiranya UMPSA bertindak sebagai *Institute of Certification* bagi pensijilan.

Sebagai cadangan, penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan operasi IoC perlu ditindikkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang

bersesuaian bagi memastikan akauntabiliti, pemantauan prestasi dan kelestarian pelaksanaan secara berterusan.

11. SUMBER

Peruntukan dan pengurusan sumber bagi pelaksanaan IoC hendaklah bersifat seimbang, telus dan berkadar dengan sumbangan pihak universiti dan industri. Nilai sumbangan kewangan dan bukan kewangan (in-kind) setiap pihak perlu dinyatakan secara jelas dalam dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA).

Pelaksanaan IoC adalah bersifat *case-by-case* dan tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan yang menyeluruh sebelum dimuktamadkan. Proses kelulusan hendaklah disokong oleh analisis risiko, kajian *due diligence*, serta penilaian kebolehlaksanaan kewangan dan operasi bagi memastikan kelestarian dan mengelakkan kegagalan pelaksanaan projek.

12. PERANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan sebagai pemudah cara dan penyelarasan dasar bagi menyokong pelaksanaan IoC melalui:

- Penyelarasan akses kepada dana dan geran strategik daripada agensi berkaitan seperti MITI, Khazanah Nasional, MOSTI dan MIDA;
- Penyelarasan inisiatif nasional yang selari dengan agenda pembangunan modal insan, inovasi, penyelidikan gunaan dan pemindahan teknologi;
- Sokongan dasar dan garis panduan bagi memperkukuh kerjasama universiti–industri secara mampan dan berimpak tinggi.

13. PERANAN UNIVERSITI

Sumbangan universiti adalah bergantung kepada skop kerjasama dan komitmen pihak industri serta keupayaan sumber dalaman universiti. Peranan universiti merangkumi:

- Penyediaan fasiliti fizikal seperti ruang, makmal dan kemudahan sokongan yang berkaitan, tertakluk kepada kelulusan dan ketersediaan;
- Penyediaan kepakaran akademik, sokongan teknikal dan tadbir urus projek mengikut keperluan;
- Sekiranya universiti perlu menyediakan sumber kewangan seperti seed fund, kajian terperinci meliputi analisis risiko, due diligence, unjuran kos dan pulangan perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengurangkan risiko kegagalan projek.

Universiti tidak menyediakan bajet khas tahunan bagi utiliti dan penyelenggaraan IoC. Oleh itu, kos penyelenggaraan, utiliti dan operasi hendaklah dimasukkan sepenuhnya dalam kos projek dan dipersetujui bersama oleh pihak terlibat dalam MoU/MoA.

14. PERANAN INDUSTRI

Pihak industri berperanan sebagai rakan strategik utama dalam menyumbang:

- Sumber kewangan, kepakaran teknikal, teknologi dan keperluan pasaran;
- Pembangunan kandungan latihan, pensijilan, produk atau perkhidmatan selaras dengan objektif IoC;
- Komitmen jangka panjang terhadap pelaksanaan dan kelestarian IoC

Kedua-dua pihak industri dan universiti hendaklah menyediakan pelan perniagaan dan kertas cadangan lengkap yang merangkumi perkara seperti tertera di Seksyen 9 dalam garis panduan ini.

15. PENUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU) INDUSTRI DALAM KAMPUS

Sasaran KPI semasa IoC adalah tertakluk kepada sasaran yang telah ditetapkan oleh universiti dan KPT. Bagi memastikan inisiatif IoC dapat dijayakan secara lebih sistematik dan berimpak tinggi, Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pendidikan Tinggi (KPT) telah menetapkan KPI yang perlu dicapai oleh universiti yang merangkumi perkara berikut:

- a) Bilangan MoU/ MoA/ Lol IoC dan/atau;
- b) Bilangan/ Nilai geran industri IoC dan/atau;
- c) Bilangan pelajar yang mendapat pensijilan profesional IoC dan/atau;
- d) Bilangan pensyarah yang mengikuti sangkutan industry dan/atau;
- e) Bilangan program/aktiviti STEM dengan komuniti

16. INSENTIF

1. Insentif dan Manfaat kepada UMPSA (Fakulti/Pusat)

Pelaksanaan IoC membolehkan universiti memperkukuh ekosistem akademik dan penyelidikannya melalui:

- Pembangunan Bakat & Akademik: Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendedahan kepada persekitaran industri sebenar serta memastikan kurikulum akademik kekal relevan dengan keperluan pasaran semasa.

- Penyelidikan & Inovasi: Menggalakkan penyelidikan gunaan dan inovasi yang dipacu oleh keperluan pasaran. Selain itu, universiti mendapat akses kepada perisian atau peralatan terkini yang disumbangkan oleh industri.
- Penjana Pendapatan: Menjana pendapatan tambahan melalui sewaan fasiliti IoC, kontrak perundingan, khidmat profesional, dan latihan industri.
- Penggunaan Ruang: Memanfaatkan penggunaan ruang universiti melalui integrasi fasiliti fizikal industri secara terancang di fakulti dan pusat penyelidikan bagi menyokong ekosistem pembelajaran, penyelidikan dan inovasi berteraskan industri.
- Pemindahan Ilmu: Membolehkan pemindahan ilmu dua hala dan perkongsian kepakaran praktikal daripada pakar industri atau Profesor Industri.

2. Insentif dan Manfaat kepada Industri

Pihak industri yang terlibat dalam IoC mendapat sokongan strategik untuk operasi mereka melalui:

- Akses Kepada Kepakaran: Industri mendapat akses terus kepada kepakaran akademik staf universiti untuk menyelesaikan masalah industri atau menambah baik sistem melalui khidmat perundingan.
- Pembangunan Produk & Inovasi: Mempercepatkan proses inovasi dan pembangunan produk baharu melalui penggunaan geran dan projek R&D bersama.
- Pusat Operasi dalam Kampus: Industri boleh menempatkan operasi terpilih seperti makmal R&D, pusat latihan, atau pusat pengujian secara fizikal di dalam kampus.
- Penyediaan Bakat (Talent Pipeline): Memastikan graduan yang bakal diambil bekerja adalah kompeten dan mempunyai pensijilan profesional yang diperlukan oleh industri.
- Sokongan Infrastruktur: Syarikat pemula (*start-up*) atau *spin-off* industri dapat beroperasi dengan sokongan infrastruktur dan ekosistem inkubator universiti.
- Insentif Cukai: UMPSA akan membantu memudah cara rakan industri dalam meneroka peluang insentif cukai, geran atau pengecualian fiskal yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia melalui agensi berkaitan seperti LHDN, MIDA, MOSTI dan KPT, tertakluk kepada kelayakan dan peraturan semasa.

